

TEMU DUGA TERBUKA



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk menghadiri temu duga terbuka jawatan seperti yang berikut:

- 1 **JAWATAN** : **PEKERJA SAMBILAN HARIAN**
- Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- Penempatan : DBP Kuala Lumpur dan DBP Wilayah Timur
- Upah : RM54.00 sehari

2. SYARAT LANTIKAN

2.1 Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. MAKLUMAT TEMU DUGA TERBUKA

3.1 Temu duga terbuka akan diadakan pada ketetapan seperti yang berikut:

Tarikh : 5 dan 6 September 2016 (Isnin dan Selasa)

Masa : 8.30 pagi - 2.00 petang

**Tempat : Bilik Mesyuarat A.Kadir Adabi, Aras 29, Menara DBP,
Jalan Dewan Bahasa, Kuala Lumpur.**

3.2 Calon **wajib** mengisi Borang Permohonan Jawatan DBP (Borang PSM:12/2014 (Pindaan Pent. 27/99) yang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang DBP di <http://www.dbp.gov.my> dan calon juga perlu membawa **sijil asal dan salinan** dokumen seperti yang berikut:

- (a) Kad Pengenalan
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia
- (c) Gambar berukuran pasport
- (d) Sijil Kokurikulum
- (e) Lesen memandu (Jika ada)

Calon yang tidak membawa **sijil asal** tidak akan ditemu duga.

3.3 Calon **wajib** berpakaian kemas semasa menghadiri temu duga.